

11/07/2002

Hujan lebat, angin sejukkan suasana hangat

ALOR STAR, Rabu - Kehangatan penamaan calon bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit hari ini `disejukkan' oleh hujan lebat dan angin kuat sejak awal pagi di kedua-dua kawasan.

Bagaimanapun, ia tidak menghalang beribu-ribu penyokong Barisan Nasional (BN) dan Pas berarak ke pusat penamaan calon di Dewan al-Marbawi Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang dan Auditorium Bernas Anak Bukit, dekat sini.

Penyokong bersiap sedia dan berbaris untuk berarak seawal jam 7 pagi di markas masing-masing menuju ke pusat penamaan calon dalam hujan renyai-renyai.

Turut mewarnai perarakan ialah sepanduk dan kain rentang yang dibawa bersama penyokong untuk menarik perhatian orang ramai.

BN meletakkan Datuk Othman Abdul di Parlimen Pendang dan Datuk Zakaria Said di DUN Anak Bukit. Othman dicabar calon Pas, Dr Mohd Hayati Othman, manakala Zakaria berdepan Amiruddin Hamzah.

Penyokong tidak berganjak walaupun hujan lebat serta angin kuat sementara menunggu tempoh bantahan tamat pada jam 12.30 tengah hari. Penamaan calon bermula jam 9 pagi.

Bagi penyokong BN, teriakan `hidup BN', `hidup Dr Mahathir' dan lagu rasmi Umno dikumandangkan dalam hujan lebat.

Beberapa pemimpin BN, termasuk Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim basah kuyup.

Penyokong Pas serta ahli parti pakatannya terutama Keadilan, bertakbir dan bersalawat dalam hujan.